

05 SEP 2001
SEA-Nasir
ORANG KECIL SUMBANGAN BESAR

Oleh: Bashariah Zainuddin

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Bekas anggota tentera, Nasir Abas yang menganggap dirinya seorang "kecil bersemangat besar" untuk menyumbang tenaga ke arah kejayaan Sukan SEA ke-21, adalah satu-satunya peserta larian obor yang menyertai acara itu dari awal hingga akhir.

Bekas anggota Rejimen Jurutera yang berpangkalan di Port Dickson, menyertai konvoi larian obor dengan menjulang bendera kebangsaan sejak 7 April lepas dari Kuala Perlis dan akan menamatkan misinya di Dataran Merdeka di sini Jumaat ini, sehari sebelum temasya sukan serantau itu bermula.

Sepanjang larian, bapa kepada empat orang anak yang berumur antara 13 dan 21 tahun ini, bersama bendera yang diamanahkan kepadanya sentiasa menjadi tumpuan orang ramai apabila konvoi itu melepasi dari satu kawasan Parlimen ke kawasan Parlimen yang lain.

Malah semangat yang ada padanya itu juga menjadikan beliau individu pertama menjelajah dari satu sempadan negeri ke sempadan negeri lain, di samping mencatat masa paling lama berlari bersama bendera negara.

"Ini cara orang kecil seperti saya menunjukkan kecintaan kepada negara. Saya tidak perlu wang yang banyak atau tajaan dari mana-mana pihak untuk meneruskan larian kerana pada setiap perhentian, pegawai Jabatan Belia dan Sukan negeri dan daerah sedia membantu," katanya kepada Bernama ketika ditemui di Kompleks Sukan Kampung Pandan di sini hari ini.

Itulah semangat anak watan yang sanggup meluangkan masanya dengan meninggalkan perniagaan kedai runcit beliau semata-mata untuk berbakti kepada negara.

Nasir, 46, berkata beliau tidak sedikitpun rasa rugi bila meninggalkan perniagaannya itu sebaliknya amat berpuas hati kerana dapat menyertai larian obor itu.

"Saya pastikan, setiap kali obor berada di jalan, setiap kali itu jugalah bendera negara akan saya julang megah," katanya.

Memang pada raut wajahnya sudah ada garis keletihan kerana telah berlari sejauh 2,537 km dengan masa yang begitu lama, namun dengan berbekalkan slogan pasukan jurutera iaitu "berperang dan bertukang", beliau tidak sedikitpun membenarkan beliau menamatkan larian lebih awal.

Namun, Nasir tidak dapat meneruskan larian selama dua minggu semasa obor itu dibawa dari sempadan Perak ke Kelantan kerana menghadapi masalah kekejangan otot.

Ketika itulah dia mengambil kesempatan untuk julung kalinya menjenguk keluarganya di Jalan Tun Razak, Alor Setar.

Mengenai pengalamannya sepanjang larian, Nasir berkata beliau gembira kehadirannya dalam pasukan mencabar generasi muda untuk menyertai larian.

Sebagai persiapan untuk menyertai larian obor ini, Nasir berlari tidak kurang dari 10 km sehari.

"Saya telah menyertai larian bendera sempena sambutan Hari Kebangsaan 1997 selama 12 hari dari Kuala Perlis ke Dataran Merdeka di Kuala Lumpur diikuti dengan Larian Sukom pada 1998, juga dari Perlis ke Wilayah Persekutuan," katanya.

Nasir berkata beliau berlari bukannya kerana untuk mencipta nama tetapi adalah untuk negara, dan berhasrat untuk menyertai sebarang acara larian yang dianjurkan oleh negara selagi ada peluang dan fizikalnya mengizinkan.

"Idola saya adalah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad manakala pembakar semangat saya adalah Angkatan Tentera Malaysia," katanya.

-- BERNAMA
BZ MAI